

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS TAHUN 2021**

**PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN**

**DARIPADA : TUAN CHONG CHIENG JEN [STAMPIN]**

**SOALAN**

**TUAN CHONG CHIEN JEN [STAMPIN]** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan apakah angka pengangguran di seluruh negara dan setiap negeri untuk tahun 2019, 2020, 2021 dan apakah jangkaan angka pengangguran untuk tahun 2022.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang Di Pertua,**

Berikutan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan bagi membendung penularan COVID-19 mulai Mac 2020 dan berlanjutan sehingga tahun 2021 telah memberi kesan terhadap pasaran buruh Malaysia. Berdasarkan Survei Tenaga Buruh yang dilaksanakan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia, pada suku tahun ketiga 2021, kadar pengangguran menurun sebanyak 0.1 mata peratus berbanding suku tahun sebelumnya mencatatkan 4.7 peratus (ST2 2021: 4.8 peratus). Bilangan penganggur pada suku tahun ini berkurang sebanyak 18.7 ribu orang kepada 746.2 ribu penganggur (ST2 2021: 764.9 ribu penganggur). Perbandingan tahun ke tahun, kadar pengangguran kekal pada 4.7 peratus manakala bilangan penganggur meningkat secara marginal sebanyak 1.2 ribu orang.

**SOALAN NO : 228**

Bilangan penganggur dan kadar penganggur mengikut negeri, 2019, 2020, ST1 2021, ST2 2021 dan ST3 2021 adalah seperti jadual berikut:

Statistik	Penganggur ('000)					Kadar Pengangguran (%)				
	2019	2020	ST1 2021	ST2 2021	ST3 2021	2019	2020	ST1 2021	ST2 2021	ST3 2021
<b>Jumlah</b>	<b>508.2</b>	<b>711.0</b>	<b>771.8</b>	<b>764.9</b>	<b>746.2</b>	<b>3.3</b>	<b>4.5</b>	<b>4.8</b>	<b>4.8</b>	<b>4.7</b>
Johor	49.6	65.0	70.8	67.8	72.4	2.7	3.5	3.9	3.8	4.0
Kedah	26.3	39.9	35.2	38.8	38.8	2.8	4.2	3.6	3.9	3.8
Kelantan	28.1	30.4	30.5	34.5	37.9	4.0	4.3	4.4	4.8	5.1
Melaka	4.6	9.4	15.7	15.7	13.8	1.1	2.2	3.6	3.6	3.0
Negeri Sembilan	15.4	18.7	18.7	17.5	18.8	3.1	3.8	3.7	3.5	3.7
Pahang	21.4	23.2	26.7	26.2	28.2	2.9	3.1	3.6	3.6	3.8
Pulau Pinang	16.7	30.6	32.1	37.2	34.0	2.0	3.5	3.5	3.9	3.7
Perak	36.7	53.0	49.5	49.7	52.9	3.4	4.8	4.6	4.4	4.8
Perlis	3.7	4.7	5.8	6.2	5.5	3.3	4.3	5.3	5.3	4.9
Selangor	103.4	156.2	173.2	165.0	132.0	2.9	4.3	4.5	4.4	3.6
Terengganu	17.2	19.8	18.3	20.0	20.9	3.5	4.1	3.7	4.2	4.4
Sabah	117.1	163.0	180.2	175.1	178.6	5.8	8.0	8.9	8.7	9.0
Sarawak	42.1	57.2	64.2	62.6	64.7	3.1	4.3	4.7	4.4	4.6
WP Kuala Lumpur	22.4	36.0	45.5	43.6	43.2	2.6	4.0	4.9	4.7	4.8
WP Labuan	3.0	3.3	4.5	4.3	4.2	6.9	7.2	9.0	8.8	8.2
WP Putrajaya	0.4	0.6	0.9	0.6	0.4	1.2	1.5	2.4	1.7	1.0

Sumber: Survei Tenaga Buruh, Jabatan Perangkaan Malaysia

Berdasarkan Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK12), anggaran sasaran kadar pengangguran pada tahun 2025 adalah 4.0 peratus.